



AGIH ... Persatuan Pengurus UNIMAS (PPU) mengadakan Program Ibadah Korban dengan kerjasama Kolej Kediaman Pelajar UNIMAS di perkarangan Surau UNIMAS, Kampus Timur.

UNIMAS agih 360 bungkus daging korban

KOTA SAMARAHAN, Selasa — Persatuan Pengurus UNIMAS (PPU) mengadakan Program Ibadah Korban dengan kerjasama Kolej Kediaman Pelajar UNIMAS di perkarangan Surau UNIMAS, Kampus Timur pada 27 Oktober 2012.

Sebanyak enam ekor lembu telah disembelih dengan penyertaan daripada 32 orang warga UNIMAS mengikut bahagian masing masing.

Penglibatan warga kerja UNIMAS dengan kerjasama

pelajar pelajar dilihat dapat mengukuhkan silaturrahim di samping beramal ibadah dalam menghayati erti ibadah Korban.

Pengerusi Program Ibadah Korban (PPU), Mizan Morshidi berkata, sebanyak 360 bungkus daging korban telah diagihkan kepada mereka yang layak menerima sekitar Kota Samarahan.

Antara kampung yang terlibat ialah Kampung Tanjung Bundong sebanyak 130 orang penerima, Kampung Tambirat (90), Kam

pung Sebandi Matang (60) dan Kampung Sambir, 80 orang.

Majlis penyampaian daging kepada wakil penerima disempurnakan oleh Dekan Pusat Pemajuan Pelajar (PPP), Prof Madya Dr Rusli Ahmad dan Dekan Fakulti Kejuruteraan, Prof Dr Wan Hashim bin Wan Ibrahim.

Hadir sama, Presiden Persatuan Pengurus UNIMAS (PPU) Nasriman Abdul Rahman dan wakil Pengetua Kolej, Bakri bin Abd Karim.